

PENJAWAT AWAM YANG BERINTEGRITI DAN AMANAH, TONGGAK HARAPAN NEGARA.

Oleh

Syeikh DR Hazizan Bin Mat Desa

1.0 Pengenalan

Sesungguhnya Allah s.w.t. telah mencipta manusia dengan matlamat supaya manusia itu mengabdikan diri mereka semata-mata kepada Allahs.w.t.. Pengabdian diri kepada Allah s.w.t. dikenali juga dengan menghambakan diri kepadaNya dalam semua aspek kehidupan manusia. Sebahagian manusia hanya melihat konsep ibadah hanya tertumpu kepada amalan solat, puasa, zakat dan haji, sedangkan dalam Islam dinyatakan bahawa hidup itu sendiri adalah ibadah, bermula dari bangun tidur hinggalah kepada tidur semula adalah ibadah dan sehinggalah kepada bidang pekerjaan.

Islam adalah agama yang syumul dan sempurna yang merangkumi semua aspek kehidupan manusia. Setiap perbuatan , gerak geri , amalan , fikiran dan pekerjaan kita adalah dikira ibadah sekiranya memenuhi tuntutan syarak. Justeru itu, setiap perbuatan yang dilakukan oleh seseorang muslim akan dianggap sebagai ibadah jika ianya memenuhi kriteria syarak.

1.1 Definisi Kerja

Kerja ialah suatu usaha mencari rezeki dengan kesungguhan yang dilaksanakan oleh manusia bagi mendapatkan ganjaran dan upah.

1.2 Definisi Integriti dan amanah dalam Perkhidmatan awam

Kualiti unggul yang wujud secara keseluruhan dan padu pada individu dan organisasi . Integriti berkaitan erat dengan etika, ia adalah berlandaskan etika dan pencerminan etika dalam tindakan sehari-hari (Pelan Integriti Nasional) dan Perihal sifat individu dan organisasi yang sempurna berteraskan nilai murni seperti jujur , benar, amanah, adil , bertanggungjawab, telus, cekap dan bijaksana (Institut Integriti malaysia) .

Perkhidmatan awam pula ialah suatu institusi masyarakat dan negara yang membekalkan perkhidmatan kepada orang ramai dan melibatkan pembentukan dan pelaksanaan dasar kerajaan serta matlamatnya mewujudkan kesejahteraan sosial berasaskan masyarakat madani (civil society) & keadaan keadilan sosial (social justice) . Kaitan antara integriti dan penjawat awam ialah untuk melaksanakan amanah dan kuasa yg dipertanggungjawabkan demi kepentingan awam serta tidak boleh salah guna kuasa utk diri , keluarga dan rakan taulan.

1.3 Dalil-dalil berkaitan pekerjaan

Antara dalil-dalil berkaitan pekerjaan ialah firman Allah s.w.t. seperti berikut:

وَقُلْ أَعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَتُرَدُّونَ إِلَىٰ عِلْمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ

فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٠٤﴾

105. dan Katakanlah (Wahai Muhammad): Beramalah kamu (akan Segala Yang diperintahkan), maka Allah dan RasulNya serta orang-orang Yang beriman akan melihat apa Yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang mengetahui perkara-perkara Yang ghaib dan Yang nyata, kemudian ia menerangkan kepada kamu apa Yang kamu telah kerjakan".

يَتَأْتِيهَا الرُّسُلُ كُلُّوْا مِّنَ الطَّيِّبَاتِ وَاعْمَلُوا صَالِحًا ۚ إِنِّي بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ ﴿١٠٥﴾

51. Wahai Rasul-rasul, makanlah dari benda-benda Yang baik lagi halal dan kerjakanlah amal-amal soleh; Sesungguhnya Aku Maha mengetahui akan apa Yang kamu kerjakan.

وَأَن لَّا يَسْأَلَنَّ لِلْإِنْسَانِ إِلَّا مَا سَعَىٰ ﴿٣٩﴾

39. dan Bahawa Sesungguhnya tidak ada (balasan) bagi seseorang melainkan (balasan) apa Yang diusahakannya;

فَاسْتَجَابَ لَهُمْ رَبُّهُمْ أَنِّي لَا أُضِيعُ عَمَلَ عَمَلٍ مِّنْكُمْ مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أَنْتُمْ بِعَعْضِكُمْ مِّنْ بَعْضٍ

فَالَّذِينَ هَاجَرُوا وَأُخْرِجُوا مِنْ دِيَارِهِمْ وَأُودُوا فِي سَبِيلِي وَقَتُلُوا وَقُتِلُوا لَأَكْفِرَنَّ عَنْهُمْ سَيِّئَاتِهِمْ

وَلَأُدْخِلَنَّهُمْ جَنَّاتٍ تَجْرَى مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ ثَوَابًا مِّنْ عِنْدِ اللَّهِ وَاللَّهُ عِنْدَهُ حُسْنُ الثَّوَابِ ﴿١٩٥﴾

195. maka Tuhan mereka perkenankan doa mereka (dengan firmanNya):

"Sesungguhnya Aku tidak akan sia-siakan amal orang-orang Yang beramal dari kalangan kamu, sama ada lelaki atau perempuan, (kerana) setengah kamu (adalah keturunan) dari setengahnya Yang lain; maka orang-orang Yang berhijrah (kerana menyelamatkan ugamanya), dan Yang diusir ke luar dari tempat tinggalnya, dan juga Yang disakiti (dengan berbagai-bagai gangguan) kerana menjalankan agamaKu, dan Yang berperang (untuk mempertahankan Islam), dan Yang terbunuh (gugur Syahid Dalam perang Sabil) - Sesungguhnya Aku akan hapuskan kesalahan-kesalahan mereka, dan Sesungguhnya Aku akan masukkan mereka ke Dalam syurga Yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, sebagai pahala dari sisi Allah. dan di sisi Allah jualah pahala Yang sebaik-baiknya (bagi mereka Yang beramal soleh)".

2.0 Konsep Kerja

Segala tindakan dan kerja hendaklah berorientasikan kepada ciri-ciri serta nilai-nilai kerja sebagai amal soleh. Bersifat sepadu (tauhid) antara duniawi, ukhrawi, rohani dan jasmani.

Allah s.w.t. telah berfirman ;

فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ وَاذْكُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٠﴾

10. kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa Yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam Segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di Akhirat).

وَابْتَغِ فِيمَا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ ۚ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا ۚ وَأَحْسِنَ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ

إِلَيْكَ ۚ وَلَا تَبْغِ الْفُسَادَ فِي الْأَرْضِ ۚ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ ﴿٧٧﴾

77. "Dan tuntutanlah Dengan harta kekayaan Yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah Engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmatNya Yang melimpah-limpah); dan janganlah Engkau melakukan kerosakan di muka bumi; Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang Yang berbuat kerosakan ".

3.0 Kategori Pekerjaan

3.1 Kerja untuk keperluan peribadi

3.2 Kerja untuk keperluan keluarga

3.3 Kerja untuk keperluan masyarakat

Manusia adalah makhluk Allah s.w.t. yang dicipta sebagai makhluk yang hidup secara bermasyarakat dan saling bergantung di antara satu sama lain. Maka apabila pergantungan di dalam masyarakat diterjemahkan kepada perkhidmatan atau pekerjaan yang dilakukan, bermakna setiap orang dipertanggungjawabkan untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik dan melakukan pekerjaan itu dengan sesempurna mungkin.

3.4 Kerja untuk memakmurkan bumi Allah s.w.t.

4.0 Ciri-ciri kerja yang berintegriti dan beramanah

4.1 Niat kerana Allah s.w.t.

Niat memainkan peranan yang penting di dalam menentukan sama ada pekerjaan yang dilakukan itu menjadi ibadah atau sebaliknya. Niat adalah soalhati yang hanya Allah s.w.t. dan diri sendiri yang mengetahuinya. Oleh itu, jika sesuatu pekerjaan itu dilakukan secara ikhlas, maka ianya diterima sebagai ibadah dan seterusnya akan mendapat ganjaran daripada Allah s.w.t.

4.2 Berteraskan Iman dan Taqwa

4.3 Tidak meninggalkan yang wajib

4.4 Mendapatkan ganjaran dunia dan akhirat.

5.0 Syarat-syarat pekerjaan yang berintegriti dan amanah

5.1 Pekerjaan itu mestilah perbuatan yang harus atau boleh dikerjakan menurut syarak

5.2 Pekerjaan yang disertakan dengan niat yang baik dan diredhai Allah s.w.t.

5.3 Pekerjaan yang dilakukan dengan tekun, cekap dan bersungguh-sungguh.

5.4 Pekerjaan berasaskan prinsip syariah seperti amanah, adil dan bertanggungjawab.

Pekerjaan yang disertai dengan sifat amanah, adil dan bertanggungjawab adalah kunci ke arah kecemerlangan individu dan organisasi itu sendiri.

5.5 Menghasilkan kerja yang berkualiti

6.0 Hubungan integriti dan amanah kepada pembentukan peribadi dan negara

6.1 Falsafah amal ibadat di dalam Islam adalah untuk membentuk sikap dan disiplin bagi melahirkan golongan pekerja yang sentiasa mengamalkan nilai-nilai mulia dalam pekerjaan. Pekerjaan yang dilakukan adalah menjadi tanggungjawab ke atas diri sendiri serta akan dihisab menurut pekerjaan yang dilakukan. Sekiranya penjawat awam dapat memahami hakikat ini, maka sudah semestinya akan lahir suatu natijah yang baik kepada individu, masyarakat dan negara.

7.0 Kepentingan Integriti dan amanah dalam perkhidmatan:

7.1 Faktor yg menentukan jatuh bangunnya sesebuah institusi pentadbiran, pemerintahan , kerajaan dan ketamadunan negara.

7.2 Menentukan kewujudan sesebuah syarikat bertatasusila ikatan hidup berdasarkan kesopanan , saling menghormati dan lestari.

7.3Memastikan penyampaian perkhidmatan terbaik , pengamalan tadbir urus terbaik membina imej dan keyakinan stakeholders dan pelanggan.

7.4 Membina jati diri dan identiti diri setiap individu .

8.0 Kesimpulan

Akhirnya, harapan kita supaya dengan adanya nilai integriti dan amanah di dalam diri penjawat awam, maka agar lahirlah pekerja yang menyedari dan menghayati nilai murni, berdaya tahan serta mantap rohani yang akan membawa kepada kecemerlangan sesuatu organisasi dan negara itu.